

26/06/2003

Elaun khas Khidmat Negara (HL)

Salina Abdullah; Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Peserta Program Khidmat Negara akan diberi elaun khas selama

mengikuti program tiga bulan itu sebagai imbuhan terhadap pengorbanan mereka untuk negara.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata pemberian elaun itu

dipersetujui Jawatankuasa Kabinet mengenai program berkenaan, tetapi jumlahnya belum diputuskan.

Ditanya kemungkinan peserta terbabit dibayar elaun kira-kira RM100 sebulan, Najib yang juga Pengerusi jawatankuasa itu berkata: "Kerajaan akan menelitinya, tetapi secara keseluruhan program itu membabitkan kos RM500 juta setahun."

Beliau berkata demikian di lobi Parlimen selepas Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara 2003 diluluskan Dewan Rakyat, semalam.

Seramai 100,000 belia berusia 18 tahun akan dipilih mengikuti program itu dan pengambilan dibuat dalam tujuh sesi mulai Februari depan.

Pengambilan pertama seramai 15,000 orang membabitkan remaja lelaki dan perempuan yang dilahirkan pada 1986, yang kini pelajar tingkatan lima.

Sebelum itu, ketika menggulung perbahasan rang undang-undang berkenaan,

Najib menjelaskan buat masa ini kerajaan tidak dapat mengambil semua 480,000 kumpulan sasaran kerana kemampuan kewangan, prasarana dan jurulatih terhad.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan kerajaan akan menggubal kaedah pemilihan yang telus bagi memastikan pemilihan dijalankan secara tepat.

Beliau berkata, hanya belia yang benar-benar tidak layak dari segi kesihatan dan disahkan panel doktor, dikecualikan menyertai program itu.

Najib berkata, mereka yang mempunyai masalah tertentu seperti melanjutkan pelajaran di luar negara atau masalah peribadi juga boleh diberi kelonggaran untuk menanggungkannya, tetapi tetap dikehendaki menyertainya.

Beliau turut menegaskan bahawa program itu tidak boleh dilaksanakan secara sukarela kerana ia akan gagal atau hanya disertai satu kaum.

Sambil memberi contoh Program Rakan Muda, beliau berkata, program itu gagal menarik minat kumpulan sasar kerana dijalankan secara sukarela dan hanya yang bersemangat tinggi menyertainya.

Najib turut menyangkal dakwaan pembangkang kononnya program itu agenda Barisan Nasional (BN).

"Jika ia program BN, dulu lagi kita sudah buat. Idea program ini dibangkitkan Tan Sri Lee Lam Thye pada Seminar Patriotisme tahun lalu," katanya.

Sambil menjelaskan program itu juga memasukkan aspek agama, Najib membidas dakwaan pembangkang kononnya beliau dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menentang qiamullail.

"Kita bukan menentang qiamullail tetapi jangan kerana qiamullail mereka tidak boleh belajar. Macam mana mereka hendak periksa esok jika malam ini

berqiamullail. Kita bukan menentang tetapi ada masa-masanya. Ilmu itu wajib, qiamullail itu sunat. Oleh itu, jangan campur aduk," katanya.

Beliau berkata, program itu memerlukan sokongan semua pihak bagi memastikan kejayaan dan keberkesanannya.

Oleh itu, katanya, beliau akan meneruskan dialog dan rundingan dengan pelbagai pihak, termasuk pembangkang, bagi menjelaskan dan mendapat pandangan mengenai program itu serta kurikulumnya.

"Kita memberi jaminan akan menimbang segala pandangan dan cadangan jika mendapati ia berguna, seperti kita menggugurkan Fasal 29 bagi mengurangkan kebimbangan ibu bapa," katanya.

Pengguguran Fasal 29 yang memperuntukkan penalti tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya terhadap sesiapa yang menghasut orang ramai supaya tidak menyertai program itu, dimaklumkan Najib ketika membentangkan rang undang-undang itu pada sesi pagi sidang Dewan Rakyat.

"Dalam semangat keprihatinan, maka kerajaan bersedia menggugurkan Fasal 29 Rang Undang-undang ini mengenai (cadangan) kesalahan menghasut," katanya.

Najib bagaimanapun berkata 12 kesalahan lain yang dicadang dikenakan tindakan, dikekalkan antaranya kesalahan tidak menghadirkan diri bagi latihan khidmat negara didenda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya.

Bagi yang sedang menjalani latihan dan tidak hadir tanpa kebenaran, dicadang didenda tidak lebih RM3,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Mereka yang didapati memujuk dan sebagainya orang yang sedang menjalani latihan supaya tidak hadir tanpa kebenaran, boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Najib berkata majikan yang tidak membenarkan pekerjaanya menjalani latihan khidmat negara untuk tempoh tidak lebih 30 hari dan membuat potongan gaji, saraan lain atau cuti tahunan untuk tempoh itu, boleh didenda tidak kurang daripada dua kali ganda gaji dan saraan lain yang kena dibayar kepada pekerjaanya itu atau dipenjarakan tidak melebihi dua bulan atau kedua-duanya.

Beliau juga menjelaskan kajian terhadap 6,000 pelajar di antara 15 hingga 17 tahun, mendapati 81 peratus menyokong pelaksanaan program itu manakala 72 peratus menyokong ia diwajibkan kepada lelaki dan perempuan.

Kajian ke atas 500 ibu bapa semasa Ekspo Kerjaya Angkatan Tentera Malaysia di Johor Bahru, pula mendapati 98 peratus daripada mereka bersetuju dengan cadangan itu, dan 80 peratus bersetuju membabitkan peserta lelaki dan perempuan.